

Headline	TNB setuju cadangan batal kontrak empat IPP		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	20,955
Page No	25,26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	604 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 20,820
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,461



## TNB

Setuju cadangan batal  
kontrak 4 IPP **Ms.26**

Headline	TNB setuju cadangan batal kontrak empat IPP		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	14 Jul 2018	Circulation	20,955
Section	Bisnes	Readership	947,000
Page No	25,26	ArticleSize	604 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 20,820
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	PR Value	RM 62,461
Frequency	Daily		



# TNB setuju cadangan batal kontrak empat IPP

➔ Pelaksanaan pembidaan secara kompetitif ber nilai terbaik kepada industri

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@nsp.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) bersetuju dengan tindakan kerajaan mahu membatalkan kontrak empat syarikat pengeluar tenaga bebas (IPP) seperti yang diumumkan kelmarin.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir Azman Mohd, berkata pihaknya turut senada dengan hasrat Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin yang tidak mahu lagi pemberian kontrak secara terus dilakukan dan sebaliknya mahu pembidaan secara kompetitif dilaksanakan.

"Kami bersetuju dengan cadangan pelaksanaan pembidaan kompetitif ini kerana kami percaya ia akan memberikan nilai yang terbaik untuk industri," katanya ketika ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan Majlis Penasihat Kerajaan di Menara Ilham, di Kuala Lumpur, semalam.

Kelmarin, Bee Yin mencadangkan untuk membatalkan kontrak empat syarikat IPP diaugerahkan oleh pentadbiran terdahulu, yang akan dibincangkan

dalam mesyuarat Kabinet minggu depan.

Pihaknya juga sudah mengetahui pasti empat IPP dan pembatalannya akan ditentukan secara rasmi selepas mendapat persetujuan Kabinet minggu depan sebelum mengumumkan identiti IPP terbabit selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

## Semak semula rundingan

Mengenai sama ada kos elektrik akan berkurang dengan tindakan kerajaan mahu melakukan perubahan dalam industri tenaga seperti menyemak kembali rundingan terus dengan IPP, Azman berkata beliau percaya sentiasa ada ruang untuk ditambah baik.

Namun katanya, faktor yang mendorong kepada naik turun kos lebih banyak disumbang oleh faktor luaran yang pihaknya tidak boleh kawal.

"Harga gas dan arang batu ditentukan di peringkat global dan ia sesuatu yang kami tidak boleh kawal."

"Bagaimana mahu mengawal dan menguruskannya adalah sesuatu cabaran biasa yang dihadapi oleh mana-mana kerajaan di seluruh dunia dan bukan Malaysia saja," katanya.

Mengulas mengenai pertemuan dengan MPK, Azman berkata pertemuan itu amat menggalakkan dengan ketelusan dan keterbukaan ahli MPK.

"Mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai industri tenaga menjadikan lebih mudah untuk kami berkongsi mengenai apa yang kami fikirkan."

"Ia adalah sesuatu yang bagus buat Malaysia kerana kita tidak seharusnya bekerja mengikut emosi tetapi berpandukan rasional dan pengetahuan," katanya.

Headline	TNB setuju cadangan batal kontrak empat IPP		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	20,955
Page No	25,26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	604 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 20,820
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,461



Pihak kami turut senada dengan hasrat Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin yang tidak mahu lagi pemberian kontrak secara terus dilakukan dan sebaliknya mahu pembidaan secara kompetitif dilaksanakan. Kami bersetuju dengan cadangan pelaksanaan pembidaan kompetitif ini kerana kami percaya ia akan memberikan nilai yang terbaik untuk industri”

**Azman Mohd,**  
Presiden dan Ketua  
Pegawai Eksekutif TNB